

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara umum perkara-perkara yang dibincang dalam Jawatankuasa MA63. Bagaimana Kerajaan memastikan perkara yang dibincang akan memenuhi hasrat rakyat Sarawak. Kerana tiada makluman diberikan kepada rakyat Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNITY ONGKILI,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL SABAH DAN SARAWAK)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menzahirkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**). Keputusan Jemaah Menteri ini telah diumumkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sambutan Hari Malaysia di Sibu, Sarawak pada 16 September 2020 yang lalu. Penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 di bawah Kerajaan terdahulu.

2. Mesyuarat Majlis Khas MA63 yang pertama telah diadakan pada 2 Disember 2020 dan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dengan dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah, YAB Ketua Menteri Sarawak termasuk Peguam Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi kedua-dua negeri tersebut. Mesyuarat Majlis Khas ini juga disertai oleh lapan (8) Menteri mewakili Kementerian yang berkait rapat dengan perihal pembangunan negeri Sabah dan Sarawak serta Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

3. Perkara-perkara yang telah dibincangkan adalah Terma Rujukan Majlis Khas MA63 serta keahliannya, penubuhan tiga (3) Jawatankuasa-jawatankuasa Kerja iaitu Jawatankuasa Kerja Rakan Sekutu, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Sosio-Ekonomi beserta keahlian setiap Jawatankuasa Kerja tersebut. Selain itu, mesyuarat ini telah

SOALAN NO : 363

membentangkan status terkini perkara-perkara yang telah dirujuk kepada JKKKMA63 sebelum ini. Majlis Khas ini diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES), yang bertanggungjawab memastikan isu-isu yang berkaitan dengan MA63 dapat diselesaikan dan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

4. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (**BHES**) akan memantau rapi pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah dicapai. Setiap kementerian/agensi terlibat akan mengemukakan pelaporan secara berkala kepada BHES dan pelaporan ini akan dibentangkan di peringkat Majlis Khas MA63 yang akan datang.

5. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini mengeratkan lagi perpaduan rakyat dan membentuk integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa.

Sekian, terima kasih.